

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' AR. WAN MOHAMMAD
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN :

YB. Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-Il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan Istana Kenangan (Muzium Di Raja Perak) yang terletak berhampiran Istana Iskandariah, Bukit Chandan adalah satu ikon bangunan sejarah dan tarikan pelancongan dunia. Apakah status perancangan pihak yang terlibat dan bilakah pemuliharaan bangunan ini dapat diselesaikan, memandangkan ianya tidak lagi dibuka untuk para pelancong akibat masalah struktur bangunan yang sudah uzur. Ini sekaligus telah menjejaskan sektor pelancongan di kawasan terbabit dan mengecewakan para pelancong yang mengunjungi tempat tersebut.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Istana Kenangan (Muzium DiRaja Perak) yang merupakan ikon dan bangunan bersejarah telahpun diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2012. Dalam usaha memelihara bangunan warisan tersebut, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara telahpun siap menjalankan kajian dilapidasi (kerosakan) dan dalam usaha meneruskan dengan kerja pemuliharaan yang dijangka akan bermula pada bulan Oktober 2014.

Sekian, terima kasih.